

MEDIA DAN MASYARAKAT

Mus Chairil Samani • Jamilah Maliki




MEDIA DAN MASYARAKAT

MEDIA DAN MASYARAKAT

Mus Chairil Samani
Jamilah Maliki

Universiti Malaysia Sarawak
Kota Samarahan
2014

Untuk anak-anak kami,
Aisyah Qaireena dan
Aisyah Qaisara



© Mus Chairil Samani
Jamilah Maliki 2014

Hak cipta terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanik, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa izin bertulis daripada Penerbit UNIMAS.

Diterbitkan oleh
Penerbit UNIMAS,
Universiti Malaysia Sarawak,
94300 Kota Samarahan,
Sarawak Malaysia.

Dicetak oleh,
Lee Ming Press Sdn Bhd ^(541980-U)
No. 48, Jalan Ellis,
93300 Kuching, Sarawak, Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Mus Chairil Samani, 1960-

MEDIA DAN MASYARAKAT / Mus Chairil Samani, Jamilah Maliki.

Includes Index


Bibliography: page 195

ISBN 978-967-5527-64-7

1. Mass media--Social aspects. 2. Mass media. I. Jamilah Maliki, 1978-

II. Judul.

302.23



KANDUNGAN

PRAKATA.....	xi
BAB 1 PENGENALAN	1
Epistemologi.....	15
Positivisme	15
Interpretatif	19
Budaya Kritikal.....	21
Ontologi	26
Metodologi.....	27
Kesimpulan.....	31
BAB 2 KONSEP ASAS.....	33
Media.....	33
Media Massa	35
Komunikasi	37
Komunikasi Sebagai Proses.....	39
Komunikasi Sebagai Transaksi	42
Komunikasi Sebagai Simbol.....	44
Budaya	47

Budaya Populer	54
Masyarakat	57
Teks	60
Bahasa	63
Identiti	66
Ideologi	70
Industri Budaya.....	72
Kepelbagaian Industri Budaya.....	74
Pengajian Budaya	76
Institut Kajian Sosial	79
Bureau of Applied Social Research	81
Kesimpulan.....	83
BAB 3 PENDEKATAN KAJIAN MEDIA	85
Pendekatan Fungsional.....	85
Pendekatan Normatif.....	87
Pendekatan Kulturalisme.....	88
Pendekatan Semiotik.....	89
Pendekatan Strukturalisme	92
Pendekatan Naratif.....	96
Pendekatan Ekonomi Politik.....	97
Pendekatan Feminis.....	100
Kesimpulan.....	101
BAB 4 TEORI	103
Kesimpulan.....	114

BAB 5 TEORI MEDIA	115
Teori Difusi Inovasi	115
Teori Penentuan Agenda	124
Teori Lingkaran Senyap.....	126
Teori Penyuburan	128
Teori Kegunaan dan Kepuasan	135
Teori Penjajahan Media	140
Teori Globalisasi	146
Kesimpulan.....	148
BAB 6 TEORI MASYARAKAT	151
Teori Normatif Akhbar	151
Teori Normatif Alternatif	173
Kesimpulan.....	175
BAB 7 TEORI BUDAYA.....	177
Teori Penentuan Teknologi	177
Teori Hegemoni	183
Teori Sfera Publik	185
Teori Ideologi	189
Teori Enkod/Dekod	192
Kesimpulan.....	197
RUJUKAN	199
INDEKS.....	215

PRAKATA

Buku ini membincangkan dan membicarakan hubungan media komunikasi dengan sosiobudaya masyarakat. Pelbagai pendekatan penggajian media didedahkan untuk membolehkan pelajar meneliti struktur industri media, produk industri dan kesannya terhadap budaya dan masyarakat. Isu-isu sosial, budaya dan politik yang berkaitan dengan kandungan dan penerimaan media, konstruksi dan pengeluaran media, serta struktur media turut dibincangkan. Pelajar akan dilengkapi dengan kaedah untuk menganalisis hubungan di antara media, budaya dan masyarakat.

Terdapat tujuh bab dalam buku ini. Mereka yang berminat untuk mengetahui dan mempelajari sesuatu teori boleh terus membaca Bab 5, 6 atau 7. Setiap bab ini dapat dibaca secara tersendiri. Bab 5 menghuraikan teori-teori tentang kesan media kepada khalayak pengguna. Bab 6 pula menghuraikan teori tentang norma-norma masyarakat yang memberi kesan kepada operasi organisasi media. Bab 7 pula menyentuh teori yang menjelaskan peranan media dalam pembentukan budaya masyarakat.

Namun begitu, kepada para pelajar yang baharu sahaja ingin mengenali konsep dan teori dalam kajian media dan komunikasi, kami mencadangkan buku ini dibaca mengikut turutan daripada Bab 1 sehingga Bab 7. Setiap bab menjadi asas yang meningkatkan pemahaman para pembaca secara berperingkat. Pengetahuan asas ini diperlukan dalam pembacaan setiap bab yang berikutnya.

Bab 1 menghuraikan pendekatan-pendekatan yang digunakan oleh sarjana sains sosial untuk meneliti hubungan manusia dengan alam ini. Setiap sarjana mempunyai kecenderungan tertentu semasa membuat sesuatu penelitian ilmiah. Kecenderungan ini menentukan cara mereka melihat sesuatu fenomena sosial. Apabila mereka menulis dapatan penyelidikan yang dijalankan, pendekatan yang digunakan tidak dinyatakan secara terbuka. Semuanya dinyatakan secara tersirat dan mereka yang sudah biasa membacanya mengetahui pendekatan yang digunakan oleh pengkaji dalam sesuatu tulisan itu.

Namun begitu, kelebihan ini tidak dimiliki oleh mereka yang baru mempelajari pelbagai disiplin ini dalam rumpun sains sosial. Para pelajar peringkat prasiswazah pada tahun-tahun pengajian biasa terdedah kepada masalah. Mereka membaca sesuatu tulisan dalam bidang sains sosial tanpa mengerti pelbagai perspektif yang digunakan penulis. Untuk para pelajar seperti ini, kami cadangkan pembacaan buku ini dimulakan dengan Bab 1. Dalam bab ini, anda akan diperkenalkan kepada konsep epistemologi, ontologi dan metodologi. Ketiga-tiga perkara ini tersirat dan tersurat dalam semua tulisan yang dihasilkan dalam bidang sains sosial.

Dalam Bab 2, kami menghuraikan beberapa konsep dan institusi asas yang penting dalam kajian media dan komunikasi. Konsep ini mempunyai makna khusus yang berbeza daripada takrifan yang terdapat dalam kamus umum. Sesuatu konsep mempunyai makna khusus kerana takrifan yang diberikan terikat kepada falsafah ilmu yang dianuti oleh seseorang penyelidik. Dengan memahami konsep asas ini, anda lebih mudah untuk memahami buku-buku yang diterbitkan dalam kajian media dan komunikasi.

Dalam Bab 3, kami mengemukakan beberapa pendekatan yang sering kali digunakan dalam kajian media. Kepelbagaian pendekatan ini mempunyai implikasi tersendiri dari segi epistemologi, ontologi dan metodologi fenomena sosial yang dikaji oleh pakar media.

Apabila ahli sains sosial di institusi pengajian tinggi membuat kajian, mereka berusaha untuk menghasilkan teori bagi merungkaikan sesuatu fenomena sosial. Teori yang dihasilkan pengkaji wujud dalam konteks epistemologi, ontologi dan metodologi tertentu. Bab ini membincangkan dan mengelaskan teori yang dihasilkan dalam kajian media dan komunikasi.

Kami juga telah memperkatakan beberapa institusi ilmu yang penting dalam kajian media. Institusi ini dipilih memandangkan impaknya kepada perkembangan dan pembangunan ilmu dalam kajian media.

Beberapa istilah bahasa Inggeris diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu yang digunakan dalam buku ini mempunyai makna khusus. Kami menggunakan istilah-istilah ini dalam maksudnya yang khusus kerana mendapati terjemahan dalam kamus tidak sesuai dengan maksud asal sesuatu istilah dalam bahasa Inggeris.

- pengajian budaya (*cultural studies*)—disiplin ilmu yang mula berkembang dari Centre for Contemporary Cultural Studies (CCCS) di University of Birmingham, United Kingdom. Kini pengajian budaya sebagai suatu program pengajian akademik ditawarkan di kebanyakan universiti di Amerika Syarikat, Eropah dan Australia.
- pengajian (*studies*)—satu bidang yang baru berkembang dan dipertingkatkan kepada ilmu yang berbeza daripada disiplin ilmu.
- disiplin (*discipline*)—cabang ilmu tradisional yang berbeza daripada pengajian yang bercirikan tema-tema tertentu.

- persoalan kajian (*research problem*)—fenomena yang menjadi fokus penelitian dalam sesuatu penyelidikan ilmiah.
- soalan kajian (*research question*)—kenyataan mirip hipotesis yang diolah dalam bentuk soalan dan boleh diuji untuk menguji kesahihan dengan menggunakan ujian statistik.
- metodologi (*methodology*)—ilmu yang mendasari sesuatu kaedah yang digunakan untuk menyelidik sesuatu fenomena.
- metod atau kaedah (*method*)—kaedah khusus yang digunakan apabila membuat sesuatu penyelidikan.
- industri budaya (*culture industry*)—konsep asas Adorno dan Horkheimer tentang pengaruh media yang menggalakkan budaya popular dan melenyapkan budaya tinggi.
- kepelbagaian industri budaya (*cultural industries*)—konsep lanjutan dalam bentuk kata jamak yang dikembangkan daripada konsep industri budaya (*culture industry*) yang dikemukakan oleh Adorno dan Horkheimer (1944). Konsep ini menitikberatkan kepelbagaian industri budaya dan bukannya satu sahaja industri budaya.

Buku ini bermula sebagai bahan pengajaran untuk beberapa kelas dalam pengajaran subjek Teori Komunikasi dan Media, Budaya dan Masyarakat di Universiti Kebangsaan Malaysia. Bahan dalam buku ini juga telah digunakan dalam pengajaran subjek Komunikasi dan Masyarakat di Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS). Input daripada para pelajar digunakan untuk memantapkan kandungan buku ini. Kepada semua yang berkenaan, kami mengucapkan terima kasih.

Buku ini ialah permulaan untuk penambahbaikan edisi baharu pada masa depan. Kami juga merakamkan penghargaan kepada Penerbit UNIMAS, khususnya kepada Dr Ahi Sarok iaitu Pengarah Penerbit UNIMAS yang membantu proses penerbitan buku ini.

Mus Chairil Samani & Jamilah Maliki

Jabatan Komunikasi

Fakulti Sains Sosial

Universiti Malaysia Sarawak

Kota Samarahan

2014

PENGENALAN

Media massa merupakan komponen penting dalam masyarakat alaf yang lalu. Pada alaf ini, peranan dan kedudukan media massa bukannya semakin lemah sebaliknya menjadi bertambah kukuh dan penting. Media massa semakin mendominasi kehidupan mental masyarakat moden. Yang tersirat di sebalik persoalan ini ialah kuasa yang dimiliki oleh media. Dengan pengukuhan kedudukan media massa, apakah pengaruhnya terhadap masyarakat semakin meluas? Jawapannya “ya.” Untuk ilmuwan komunikasi, jawapan seperti ini tidak memadai. Mereka memerlukan jawapan yang menyeluruh dan lengkap kepada soalan yang nampak mudah ini.

Ilmuwan komunikasi memerlukan jawapan yang membolehkan mereka sama ada untuk membuat ramalan, memahami fenomena sosial ataupun membuat perubahan yang diperlukan. Jenis jawapan yang dicari bergantung kepada perspektif atau paradigma yang digunakan oleh mereka dalam mengkaji sesuatu fenomena komunikasi. Paradigma dalam konteks ini, merujuk definisi yang dikemukakan oleh ahli falsafah sains, Thomas Kuhn (1970: 10) yang berkata, “*I mean to suggest that some accepted examples of actual scientific practice—examples which include law, theory, application, and instrumentation together—provide models*

from which spring particular coherent traditions of scientific research." Dengan kata lain, setiap pengkaji menggunakan paradigma tertentu dalam setiap kajian. persoalannya, adakah dia sedar atau tidak akan paradigma yang menuntun penyelidikan yang dijalankannya itu?

Sebagai pengamal komunikasi, mereka yang bekerja dalam bidang media dan komunikasi seperti di institusi penyiaran, persuratkhabaran, penerbitan dan seumpamanya, mungkin sudah berpuas hati untuk bertanyakan soalan asas, apakah pengaruh media massa terhadap masyarakat. Jawapan yang dicari dan dilahirkan harus mempunyai keperluan praktikal dan bukannya bersifat falsafah seperti ilmuwan komunikasi. Namun ini tidak bererti penelitian ilmuwan komunikasi tidak mempunyai aplikasi praktikalnya.

Setiap teori yang dihasilkan sememangnya mempunyai nilai amali. Sebagai contoh, apabila mereka bertanya tentang pengaruh media terhadap masyarakat, persoalan ini telah mencetuskan beberapa teori yang berkaitan, antaranya seperti teori kognitif sosial, teori penyuburan ataupun teori penentuan agenda. Persoalan tentang pengaruh media massa terhadap masyarakat merupakan soalan lama yang kerap ditanya oleh sarjana komunikasi. Timbul persoalan dalam kalangan sarjana Barat pada akhir tahun 50-an, apakah lagi yang perlu diketahui tentang soalan ini. Malah, sarjana komunikasi Bernard Berelson mencetuskan polemik apabila beliau bertanya, apakah bidang komunikasi sudah basi? Berelson membangkitkan persoalan ini dalam makalahnya berjudul "The State of Communication Research" yang diterbitkan dalam jurnal *Public Opinion Quarterly* pada 1959.

Sebagai menjawab soalan Berelson, *Journal of Communication* menjadikan jilid 33 (3) sebagai keluaran khas yang dinamakan "Ferment in the Field." Isu khas yang diterbitkan pada 1983 mengandungi 35 makalah yang dibentangkan di sebuah simposium antarabangsa dengan judul yang sama dan telah disertai oleh pakar komunikasi dari sepuluh

buah negara. Simposium ini membicarakan susur galur disiplin ini dan masa depannya dalam persekitaran intelektual yang berubah.

Bermula daripada simposium itu, ilmuwan komunikasi mula bertanya, bagaimanakah masyarakat menggunakan media massa? Ini menandakan peralihan besar ataupun anjakan paradigma dalam meneliti fenomena komunikasi yang sebelum ini hanya berkisar tentang apa-apa yang dilakukan oleh media massa terhadap khalayaknya. Soalan awal meletakkan "kuasa" di tangan pemilik organisasi media massa. Soalan baharu meletakkan "kuasa" penentu di tangan khalayak yang aktif memilih media yang hendak dibaca, didengar, ditonton atau yang dilayarinya. Paradigma asal adalah melihat khalayak sebagai pengguna pasif yang terdedah kepada manipulasi media.

Persoalan yang lebih besar kepada perbincangan dalam simposium tersebut boleh diungkapkan seperti berikut: bagaimanakah media massa membentuk masyarakat, dan bagaimanakah masyarakat membentuk media massa? Dalam konteks pertama, terdapat dua perspektif bagaimana media membentuk masyarakat. Perspektif pertama, media melalui kandungan yang disediakan mempunyai kuasa untuk mempengaruhi masyarakat. Apa-apa yang ditonjolkan dalam media mampu mempengaruhi tingkah laku anggota masyarakat. Sebagai contoh, isu pembuangan bayi dikaitkan dengan penontonan filem lucah dalam kalangan anggota masyarakat. Walaupun pengedaran filem lucah di pasaran dikawal, tetapi pengguna kini dengan mudah dapat memuat turun bahan dari Internet.

Perspektif kedua memperlihatkan kandungan media sebagai cerminan masyarakat. Dalam konteks ini, media melaporkan kejadian, tingkah laku, identiti, hubungan sosial dan nilai masyarakat. Dengan kata lain, media menjadi wadah representasi masyarakat. Namun representasi media ini sebenarnya tidak seimbang malah berat sebelah. Pemilik media akan melebihkan perspektif pemiliknya dan memperlekeh perspektif yang bertentangan.

Konteks kedua pula melihat bagaimana masyarakat membentuk media. Masyarakat melalui kuat kuasa undang-undang dan peraturan menetapkan jenis dan bentuk media yang boleh beroperasi. Masyarakat dalam hal ini menetapkan apa-apa yang boleh dilaporkan dan yang boleh diketengahkan. Dalam hal ini, golongan elit masyarakat mampu mengekang suara-suara alternatif mahupun golongan minoriti. Perubahan hanya berlaku dalam masyarakat apabila pemerintah bersedia membuka ruang kepada suara-suara sumbang (*dissenting voices*).

Seperti yang dikatakan, soalan apakah pengaruh media terhadap masyarakat telah lama mendapat perhatian para sarjana Barat. Kesedaran dalam kalangan ilmuwan tentang pengaruh media mula timbul apabila manusia menemui media massa yang pertama, iaitu buku. Sejarawan Amerika Syarikat amat peka terhadap pengaruh buku seperti *Uncle Tom's Cabin* (1852) karangan Harriet Beecher Stowe kepada pembentukan pendapat awam dan diskusi umum ketika itu. Walau bagaimanapun ahli sains sosial seperti Stouffer (1942) tidak mahu menerima perbincangan awam yang diujahkan oleh ahli sejarah sebagai bukti wujudnya kesan dan akibat buku kepada masyarakat. Namun begitu, hujah ini boleh disanggah dengan mudah sebab sejarawan dalam meneliti sesuatu fenomena melihat himpunan bukti sebelum mereka boleh menerima kewujudan fenomena itu.

Namun begitu, kesan media terhadap masyarakat tidak menjadi tumpuan kajian ahli sains sosial sehinggalah media radio diperkenalkan kepada orang ramai. Malah sarjana komunikasi, Wilbur Schramm (1983: 7) berkata:

It was a major topic of study in mid-century because of the concern over the effect of broadcast media on democratic politics and on the violent behaviour of children, as well as hope for what it might do to hasten economic and social development and share educational opportunities more widely.

Kehadiran radio menimbulkan kesedaran dalam kalangan ahli sains sosial ketika itu untuk meneliti kesannya kepada khalayak. Berbeza daripada media massa awal seperti buku, majalah ataupun surat khabar, fenomena radio segera mendapat perhatian sarjana sosial. Media massa awal yang disebut tadi memerlukan khalayak memiliki kemahiran asas, iaitu celik huruf atau pandai membaca, tetapi radio tidak memerlukan sebarang kemahiran. Yang diperlukan ialah alat radio dan memahami bahasa yang dituturkan dalam siaran media elektronik ini.

Dengan ini bermulalah penelitian serius dalam kalangan sarjana komunikasi tentang kesan media terhadap masyarakat. Di peringkat awal ini, sudah jelas mengapa sarjana komunikasi menumpukan perhatian kepada media massa, tetapi dewasa ini, apakah penumpuan ini masih lagi menjadi satu keperluan? Ya, malah pada masa kini, keperluan ini menjadi lebih mendesak. Mengapa? Sebab media massa di negara ini seperti juga media massa di negara-negara maju telah berkembang sehingga menjadi sebuah industri sama seperti industri pembuatan dan perkhidmatan lain.

Di negara-negara maju pada masa ini, syarikat media berada di tengah-tengah aktiviti ekonomi. Fenomena serupa turut berlaku di Malaysia. Organisasi media seperti Astro atau Media Prima bersaing dengan organisasi pengeluaran produk dan perkhidmatan seperti Proton, Pensonic dan sebagainya. Mereka berlumba-lumba menawarkan produk dan perkhidmatan yang dapat memuaskan selera khalayak ramai. Di peringkat global pula, syarikat-syarikat seperti Walt Disney Company, AOL Time Warner, AT&T Corporation ataupun Bertelsmenn adalah, antara gergasi media, bukan sahaja di Barat tetapi di peringkat global. News Corporation yang dimiliki oleh jutawan media, Rupert Murdoch dianggap sebagai syarikat besar dan maju.

Syarikat-syarikat media kini tidak lagi tertumpu kepada hanya satu industri media sahaja, tetapi melibatkan diri dalam pelbagai jenis

industri media. Sebagai contohnya, konglomerat media terbesar di Malaysia, iaitu Media Prima mengendalikan empat stesen televisyen, iaitu TV3, NTV7, 8TV dan TV9. Di samping mempunyai pemilikan dalam industri penyiaran, Media Prima turut terlibat dalam industri persuratkhabaran melalui pemilikannya dalam syarikat The New Straits Times Press (M) Berhad yang menerbitkan akhbar *New Straits Times*, *New Sunday Times*, *Malay Mail* dan *Sunday Mail* serta syarikat Berita Harian (M) Berhad yang menerbitkan akhbar *Berita Harian*, *Berita Minggu*, *Harian Metro* dan *Metro Ahad*.

Media Prima turut memiliki stesen radio, iaitu Max Airplay Sdn Bhd yang mengendalikan siaran radio saluran Hot FM. Media Prima turut membabitkan diri dalam aktiviti penerbitan filem menerusi Grand Brilliance Sdn Bhd. Ia juga memiliki syarikat Tiga Events Sdn Bhd yang menjalankan perniagaan pengurusan acara. The Right Channel Sdn Bhd pula merupakan syarikat periklanan luar yang dimiliki oleh Media Prima.

Media Prima membabitkan diri dalam pelbagai jenis industri media sama ada secara vertikal ataupun horizontal dan ini menunjukkan kekuatan sebenar syarikat ini dari segi kemampuannya untuk menjangkau setiap lapisan masyarakat di negara ini, sama ada yang tinggal di bandar mahupun di desa. Tidak ada organisasi media lain di Malaysia yang boleh menjangkau setiap lapisan masyarakat seperti yang mampu dicapai oleh Media Prima dan kemampuan organisasi swasta ini turut mengatasi jangkauan agensi media massa yang dimiliki dan dikendalikan oleh kerajaan, iaitu Radio Televisyen Malaysia. Inilah yang dikatakan oleh Gerbner apabila beliau berkata bahawa pengeluaran mesej membayangkan struktur dan fungsi institusi yang mengeluarkannya. Kata beliau:

"The mass production and rapid distribution of messages create new symbolic environments that reflects the structure and functions of the institutions that transmit them" (Gerbner 1970: 69).

Keadaan kini sudah jauh berbeza daripada apabila televisyen hitam putih mula-mula diperkenalkan di Malaysia pada 1963. Pada masa itu, negara hanya mempunyai sebuah stesen televisyen yang dikendalikan oleh Jabatan Penyiaran, Kementerian Penerangan. Kini, kita mempunyai enam stesen televisyen percuma dan sebuah stesen televisyen berbayar yang menawarkan lebih 100 saluran kepada para pelanggannya. Kita juga mempunyai berpuluh-puluh akhbar dan majalah dalam pelbagai bahasa untuk memenuhi cita rasa setiap anggota masyarakat.

Dalam hal ini, kita perlu merenungi kata-kata Leo Lowenthal (1957: 47), seorang ahli sosiologi keturunan Yahudi dari Jerman, yang melahirkan kegusarannya tentang kesan media terhadap kehidupan masyarakat dan individu apabila beliau berkata: *"A deep concern about the inner fate of the individual under the impact of the leveling powers of institutional and other organised forms of liesure activities."* Beliau merujuk kesan media massa terhadap keseluruhan kehidupan seseorang. Ini disebabkan kesan media tidak berlaku segera, tetapi secara beransur-ansur dan bersifat negatif. Kebimbangan yang sama turut diluahkan oleh Bernard Rosenberg (1957), seorang ahli sosiologi. Jika diperhatikan, kedua-dua tokoh Barat ini memperkatakan perkara ini pada 1957 tatkala Malaya baru sahaja mendapat kemerdekaan daripada penjajah British dan sebuah peti televisyen pun belum wujud ketika itu.

Televisyen hitam putih mula-mula diperkenalkan kepada masyarakat di Malaysia pada 1963 dan ketika itu jumlah peti televisyen begitu terhad. Harga sebuah peti televisyen masih di luar jangkauan kemampuan kebanyakan penduduk Malaysia. Hasilnya, kerajaan telah menempatkan peti televisyen di balai-balai raya untuk kemudahan

orang ramai. Di tempat di mana tidak ada balai raya, rumah jiran yang mempunyai televisyen menjadi tumpuan. Orang berkampung di rumah jiran untuk menonton rancangan televisyen. Kini, hampir setiap rumah mempunyai sekurang-kurangnya sebuah peti televisyen. Di sesetengah rumah, televisyen turut ditempatkan di kamar tidur yang memudahkan penghuninya menonton rancangan. Semua ini mengubah pola interaksi anggota masyarakat di negara ini.

Seorang sarjana kesusasteraan Inggeris dari Kanada, Marshall McLuhan (1957) berkata, kita tersilap kalau melihat impak media massa hanya dari segi mesej, imej ataupun kandungannya sahaja. McLuhan (1957: 490) berkata, "... *pictorial communication means a large but unconscious shift in his ways of thought and feeling.* " Dengan kata lain, media mengubah kesedaran (*consciousness*) seseorang tanpa disedarinya. Apa-apa yang dikatakan benar tidak lagi perlu dilihat secara berdepan, tetapi cukup sekadar melihatnya menerusi kaca televisyen. Jika perkara itu disiarkan dalam televisyen dan dilihat oleh khalayak, maka mereka tidak perlu lagi mempersoalkan kebenarannya.

Persoalannya ialah adakah yang dipaparkan dalam televisyen benar? Jika benar, adakah kebenaran yang dipaparkan dalam televisyen tidak boleh disangsikan? Apakah media ini mempamerkan keseluruhan kebenarannya atau kebenaran yang dipaparkan bersifat terpilih? Dalam hal ini, media sememangnya mampu mempamerkan kebenaran, tetapi yang ingin dibangkitkan di sini ialah kebenaran apa dan kebenaran siapa?

Persoalan tentang kebenaran telah lama diperdebatkan oleh ahli falsafah. Mereka telah lama bertanya dan masih lagi bertanya bagaimana kita tahu apa-apa yang kita tahu itu benar. Kebenaran amat penting dan ia menjadi asas kepada pembentukan ilmu. Sebelum kedatangan media massa, ilmu terbentuk daripada pengalaman yang dikutip oleh pancaindera manusia yang telah mencetuskan aliran empiricisme semasa

zaman kebangkitan Eropah yang berlaku sekitar abad ke-15. Zaman tersebut dikaitkan dengan tulisan ahli astronomi, Nicolaus Copernicus yang berhujah bahawa matahari terletak di tengah-tengah cakerawala dan bukannya bumi dalam bukunya, *De revolutionibus orbium coelestium* (*On the Revolutions of the Celestial Spheres*), yang diterbitkan pada 1543. Galileo Galilei pula telah membuktikan kebenaran hal yang dikatakan oleh Copernicus dengan teleskop.

Aliran empiricisme berbeza daripada aliran rasional yang mengatakan bahawa ilmu terbentuk daripada proses penaakulan. Aliran ini dikenali sebagai aliran rasionalisme dan ia dikaitkan dengan Rene Descartes, seorang ahli falsafah Perancis. Aliran ini juga disebut sebagai aliran logik Cartesian. Beliau mencetuskan gagasan rasionalisme ini apabila beliau berkata: "*I think therefore I am.*" Dengan kata lain, ukuran ilmu bergantung kepada proses penaakulan.

Kelahiran media massa menyebabkan perubahan dari segi bagaimana ilmu terbentuk. Kini ilmu terbentuk melalui pengalaman yang dikutip oleh pancaindera ditapis oleh media massa. Media massa menyebabkan cara kita berfikir berubah dan ini merupakan implikasi terbesar media massa terhadap kemanusiaan. Walaupun pancaindera manusia penting, tetapi implikasi media massa terhadap ilmu ialah perkara pokok yang tidak diperhatikan oleh orang awam. Dalam konteks ini, seorang ahli teori komunikasi di University Amsterdam, Denis McQuail (1987: 51) berkata:

This knowledge enables us to make sense of experience, shapes our perceptions of it and contributes to the store of knowledge of the past and the continuity of current understanding.... They have a general carrier function for knowledge of all kinds—thus on behalf of other institutions as well [penegasan saya].

Sebagai contoh, kita yang tinggal jauh dari Amerika Syarikat mengetahui kejadian September 11, 2001 tentang dua pesawat penumpang merempuh bangunan pencakar langit, World Trade Center di New York melalui media televisyen. Insiden ini yang menjadi berita hangat telah merubah lanskap sosial, ekonomi dan politik seluruh dunia selama-lamanya. Apa-apa yang kita anggap benar ialah apa-apa yang disiarkan dalam televisyen. Pengetahuan kita terbentuk daripada pengalaman kita menyaksikan kejadian itu dengan mata kepala kita sendiri melalui siaran televisyen.

Yang sebenarnya kesan hebat televisyen terhadap masyarakat dan kemanusiaan tidak pernah terlintas di fikiran sesiapaupun sebelum penemuannya. Di Barat, apabila televisyen mula-mula diperkenalkan, mereka tidak menjangkakan betapa hebatnya pengaruh media itu terhadap kehidupan manusia moden. Seorang wartawan akhbar *New York Times* dalam laporannya pada 19 Mac 1939 ketika membuat liputan tentang pengenalan televisyen buat pertama kalinya di Pameran Dunia di New York menyebut:

The problem with television is that the people must sit and keep their eyes glued on a screen; the average American family hasn't time for it. Therefore, the showmen are convinced that for this reason, if for no other, television will never be a serious competitor of broadcasting (Newcomb 1974: 2).

Pada masa berita tersebut dilaporkan oleh *New York Times*, radio komersial dan filem merupakan media penyiaran yang popular di Amerika Syarikat. Pada masa itu, majalah edaran massa (*mass circulated magazines*) berkembang pesat. Kita boleh dimaafkan kerana ketawa dengan apa yang dikatakan oleh wartawan *New York Times* tersebut. Namun ketawa sesudah mengetahui apa yang berlaku sememangnya mudah, tetapi jika kita hidup pada masa itu, kita mungkin turut yakin bahawa yang dilaporkan oleh wartawan itu sebagai benar.

Kini, masyarakat semakin sedar tentang pengaruh media massa terhadap kehidupan seharian. Media kini menjadi salah satu institusi penting dalam masyarakat seperti institusi kerajaan, kehakiman, pendidikan, perundangan, kepolisan, ketenteraan dan sebagainya. Mengapakah dan bagaimanakah perkara ini boleh berlaku? McQuail (1987: 51) menegaskan bahawa *"The media reach more people than other institutions and for longer, 'taking over' from early influences of school, parents, religion and so on."* Dengan kata lain, media khususnya televisyen menyelinap dalam setiap pelosok kehidupan manusia dan masyarakat.

Dalam konteks ini seorang ahli akademik Welsh, penulis novel dan pengkritik haluan kiri, Raymond Williams (1977: 136) menyebut: *"The major modern communication systems are now so evidently key institutions in advanced capitalist societies that they require the same kind of attention ... that is given to the institutions of industrial production and distribution."*

Yang lebih penting kata Williams (1977: 136) ialah:

Studies of the ownership and control of the capitalist press, the capitalist cinema, and capitalist and state capitalist radio and television interlock, historically and theoretically, with wider analysis of capitalist society, capitalist economy and the neo-capitalist state. Further many of the same institutions require analysis in the context of modern imperialism and neo-colonialism, to which they are crucially relevant.

Dengan kata lain, Williams mengesyorkan penyelidikan tentang institusi media menggunakan pendekatan ekonomi politik yang mengambil kira bentuk persejarahan semasa masyarakat yang membentuk ruang dan masa bagi institusi media ini untuk beroperasi. Yang diperlukan ialah setiap aspek dalam masyarakat dikaji secara menyeluruh dan ini tidak boleh dilakukan dengan menggunakan pendekatan *reductionism* yang menjadi teras dalam pendekatan pengajian bersifat positivisme ataupun *vulgar Marxism* apabila semua